

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 6/1963**

**PENGELUARAN TANAH KEPADA ORANG-ORANG
MELAYU UNTUK TAPAK KEDAI**

Adalah dimaklumkan Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan satu dasar bagi pengeluaran tanah kepada orang-orang melayu untuk tapak kedai.

2. Dasar yang diluluskan itu adalah seperti berikut:-

- (i) Di dalam rancangan mengenai 3 atau lebih tapak-tapak yang ada maka sekurang-kurangnya 1/3 daripada jumlah tapak-tapak itu dikeluarkan kepada Orang-Orang/Syarikat-Syarikat melayu;
- (ii) Pengeluaran tanah yang seumpama itu hendaklah mengandungi syarat-syarat tertentu melarang jualan, cagaran dan penyewaan melainkan dengan kebenaran Kerajaan Negeri;
- (iii) Tanah-tanah bagi maksud tersebut hendaklah dikeluarkan dengan cara pengeluaran biasa dan tidaklah dengan jalan lelong.

3. Oleh hal demikian tuan adalah diminta mengikuti dasar ini apabila mencadang mengeluarkan tapak-tapak kedai di Daerah tuan.

T.T
(ABDUL GHANI BIN MOHD NOOR)
PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN
SELANGOR

Sel. Sec 6748 (8)

Kuala Lumpur
23hb September 1963